

24/08/2001

Cari laluan mantapkan sistem pendidikan

ISU sistem pendidikan negara yang hangat dibincangkan oleh pelbagai pihak hari ini dengan sendiri menjelaskan bahawa rakyat begitu prihatin terhadap kemajuan pendidikan kerana ia adalah teras dalam menentukan arah masa depan bangsa. Apa juga bentuk perdebatan mengenai sistem pendidikan negara perlu digalakkan kerana ia boleh mencetuskan idea dan pandangan bernas, sama ada untuk merombak jika sistem yang ada sudah lapuk atau setidak-tidaknya memperbaiki kelemahan yang ada. Lebih banyak pihak yang mengambil daya usaha untuk membincangkan perkara yang membabitkan sistem pendidikan sedia ada, adalah lebih baik kerana ia dapat memberi satu perspektif yang baru terhadap sistem pendidikan negara.

Oleh itu, Kongres Pendidikan Melayu Pertama anjuran bersama Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Kumpulan Melayu Prihatin, yang akan diadakan pada 1 dan 2 September nanti, perlu diberi sokongan sewajarnya. Diharapkan kongres itu akan dapat menghasilkan rumusan yang positif untuk dikemukakan kepada kerajaan, seterusnya dilaksanakan. Disebabkan pendidikan adalah isu rakyat, sewajarnya rakyat turut dibabitkan dalam membincangkan isu yang penting itu.

Umum mengetahui pencapaian pelajar Melayu dalam jurusan pendidikan agak jauh ketinggalan berbanding kaum lain. Mungkin mudah untuk menuding jari terhadap sikap orang Melayu yang tidak mengambil berat terhadap soal pelajaran. Perkara ini perlu dihalusi kerana mungkin ada faktor yang menyebabkan orang Melayu menjadi pasif terhadap pelajaran. Apakah corak pendidikan sedia ada begitu usang atau jumud bentuknya hingga membantutkan usaha mereka untuk menjadi masyarakat yang unggul dan cemerlang.

Perhatian mungkin perlu dibuat terhadap pencapaian baik oleh murid sekolah jenis kebangsaan bagi mengetahui apakah yang mendorong kejayaan itu. Dalam keadaan dunia yang berubah, sistem pendidikan sewajarnya bergerak mengikut peredaran zaman. Persekitaran dan corak pembelajaran 10 atau 20 tahun lalu, tentulah tidak lagi sesuai dengan pemikiran masyarakat hari ini. Kurikulum bukanlah sesuatu yang tidak boleh diubah jika didapati tidak lagi memenuhi tuntutan semasa. Masyarakat hari ini digalakkan meluaskan skop pengetahuan mereka, bukan lagi terlalu terkongkong dengan cara pendidikan yang konservatif.

Sebagaimana bidang lain, sistem pendidikan negara memerlukan nafas baru, bagi menyediakan landasan menggerakkan bangsa Melayu yang mapan. Guru pula seharusnya bersiap sedia menghadapi apa juga perubahan yang bakal menyusul. Demikian pula masyarakat Melayu sendiri harus sanggup mengubah sikap terhadap pelajaran dengan sanggup berkorban apa saja demi membolehkan anak mereka mengikuti pelajaran hingga ke peringkat tertinggi. Masanya mungkin sudah tiba yang mereka tidak lagi boleh mengharapkan segala-galanya daripada kerajaan saja.

Kongres Pendidikan Melayu Pertama yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nanti diharap dapat membuka laluan kepada satu perubahan yang menjurus kepada penerimaan satu sistem pendidikan negara yang lebih mantap. Jika sebelum ini Kongres Ekonomi Bumiputera mampu menghasilkan pelbagai program untuk meningkatkan taraf Bumiputera dengan pewujudan pelbagai agensi yang ditubuhkan semata-mata membantu pencapaian Melayu dalam bidang ekonomi, tidak mustahil kongres pendidikan ini akan dapat melahirkan satu suntikan baru dalam bidang pendidikan.

(END)

